


**KEBERKESANAN SISTEM INTERPRETASI WARISAN KEPADA PELAWAT DI  
RUMAH WARISAN HAJI SU**

**NURAISYAH NADHIRAH BINTI MOHD ROSDI**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
DENGAN KEPUJIAN  
2023  
KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KEBERKESANAN SISTEM INTERPRETASI WARISAN KEPADA PELAWAT DI  
RUMAH WARISAN HAJI SU**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NURAISYAH NADHIRAH BINTI MOHD ROSDI**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.


**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)


**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_


**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*


**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

*aisyahnadhirah*

Tandatangan Penyelia

NURAISYAH NADHIRAH BINTI  
MOHD ROSDI

ENCIK SAHRUDIN BIN  
MOHAMED SOM

Tarikh: 16/2/2023

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “Keberkesanan Sistem Interpretasi Warisan Kepada Pelawat Di Rumah Warisan Haji Su” telah disediakan oleh **(NURAISYAH NADHIRAH BINTI MOHD ROSDI)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Sahrudin Bin Mohamed Som)

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur Alhamdulillah dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahnya memberi kekuatan untuk saya menyempurnakan projek penyelidikan ini sebagai memenuhi syarat bagi bergraduasi.

Saya merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah penyelia dan pembimbing saya iaitu Encik Sahrudin bin Mohamed Som yang sentiasa sudi memberi bimbingan dan nasihat bagi kepada saya sehingga terhasilnya kajian yang telah sempurna ini.

Selain itu, saya juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberikan sokongan serta bantuan yang diberikan sepanjang saya menjalankan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada adik-beradik yang memberikan sokongan kepada saya bagi menjalani proses penyelidikan ini. Tanpa sokongan mereka tidak mungkin saya berada di tahap ini.

Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan saat saya menghadapi kesukaran semasa menjalani projek penyelidikan ini. Sebelum menutup bicara, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak yang terlibat dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini secara langsung ataupun tidak.

## **KEBERKESANAN SISTEM INTERPRETASI WARISAN KEPADA PELAWAT DI RUMAH WARISAN HAJI SU**

### **ABSTRAK**

Bangunan warisan merupakan tinggalan yang amat penting untuk dijaga dan dipulihara. Oleh itu, kajian ini telah dibuat bagi mengenalpasti keberkesanannya sistem interpretasi warisan kepada pelawat di rumah warisan Haji Su. Berdasarkan tajuk kajian tersebut, 3 objektif telah dibuat iaitu mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su, mengenalpasti kaedah interpretasi warisan yang dilakukan dan menghuraikan keberkesanannya sistem interpretasi warisan yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su kepada pelawat. Kaedah yang digunakan untuk menyiapkan projek penyelidikan ini adalah melalui soal selidik dan telah diedarkan kepada 186 orang responden. Pengkaji juga melakukan kaedah lain seperti temubual, pemerhatian, dan kajian lepas. Dapatkan kajian mendapati rumah warisan haji Su mempunyai banyak nilai kepentingan warisan yang perlu dijaga dan dipulihara. Antaranya nilai estetik dan senibina, nilai sejarah, nilai budaya dan nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi yang luar biasa. Selain itu, bagi dapatkan kajian mengenai sistem interpretasi yang digunakan, pengkaji telah mengenalpasti bahawa terdapat dua sistem interpretasi iaitu sistem personal dan non-personal. Sistem personal ialah komunikasi dua hala yang melibatkan interaksi antara pelawat dan jurupandu atau intepreter yang akan membantu semasa proses lawatan dan menerangkan sejarah, kepentingan dan keistimewaan sesuatu tapak warisan tersebut. Manakala sistem non-personal ialah komunikasi satu hala yang melibatkan pelawat dengan bahan bercetak atau bertulis seperti galeri pameran, papan tanda maklumat, tag maklumat dan sebagainya. Hasil soal selidik mendapati tahap keberkesanannya sistem interpretasi yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su adalah diperingkat yang sederhana. Justeru itu, pengkaji mencadangkan agar sistem interpretasi warisan rumah tersebut ditambah baik seperti menambah bilangan pegawai penerang, memperbanyakkan teks tulisan dan sebagainya. Mereka juga boleh mewujudkan sistem interpretasi yang interaktif seperti audio-visual, sound effect, tayangan video dan sebagainya.

Kata kunci : Haji Su, Interpretasi, personal, non-personal

## THE EFFECTIVENESS OF THE HERITAGE INTERPRETATION SYSTEM FOR VISITORS AT THE HAJI SU HERITAGE HOUSE

### ABSTRACT

Heritage buildings are remains that are very important to protect and restore. Therefore, this study has been done to identify the effectiveness of the heritage interpretation system for visitors at the Haji Su heritage house. Based on the title of the study, 3 objectives have been made which are to identify the value of the heritage significance found at Rumah Warisan Haji Su, identify the method of heritage interpretation done and describe the effectiveness of the heritage interpretation system used by Rumah Warisan Haji Su to visitors. The method used to complete this research project is through a questionnaire and has been distributed to 186 respondents. Researchers also do other methods such as interviews, observations, and past studies. The findings of the study found that Su's Hajj heritage house has many important heritage values that need to be protected and restored. Among them are aesthetic and architectural value, historical value, cultural value and the value of interest in displaying exceptional wealth, diversity or integration. In addition, for the findings of the study on the interpretation system used, the researcher has identified that there are two interpretation systems, namely personal and non-personal systems. The personal system is a two-way communication that involves interaction between the visitor and the guide or interpreter who will help during the visit process and explain the history, importance and special features of the heritage site. While the non-personal system is a one-way communication that involves visitors with printed or written materials such as exhibition galleries, information signs, information tags and so on. The results of the questionnaire found that the level of effectiveness of the interpretation system used by Rumah Warisan Haji Su was moderate. Therefore, the researcher suggested that the heritage interpretation system of the house be improved such as increasing the number of explanatory officers, increasing the number of written texts and so on. They can also create an interactive interpretation system such as audio-visual, sound effect, video projection and so on.

Keywords: Haji Su, Interpretation, personal, non-personal

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	ii
	ABSTRACT	iii
	ISI KANDUNGAN	iv
	SENARAI GAMBAR	vii
	SENARAI RAJAH	viii
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI CARTA	ix
	SENARAI PETA	ix

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	2
1.3 Permasalahan Kajian .....	4
1.4 Objektif Kajian .....	5
1.5 Persoalan Kajian .....	5
1.6 Skop Kajian .....	6
1.7 Kepentingan Kajian .....	9
1.8 Rumusan Bab .....	10

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan .....	11
2.2 Interpretasi .....	11
2.2.1 Prinsip-prinsip Interpretasi .....	12
2.3 Rumah Tradisional Melayu di Malaysia .....	12
2.4 Rumah Melayu Tradisional Terengganu .....	14
2.5 Sejarah Pembinaan Rumah Haji Su .....	17
2.5.1 Riwayat Hidup Haji Su .....	19
2.5.2 Riwayat Hidup Haji Mohammed .....	20
2.6 Pemuliharaan Rumah Warisan Haji Su .....	22
2.7 Rumusan Bab .....	24

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan .....	25
3.2 Reka Bentuk Kajian .....	26
3.3 Pengumpulan Data .....	28
3.4 Instrumen Kajian .....	32
3.5 Kaedah Analisis Data .....	32
3.7 Rumusan Bab .....	36

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan .....	36
4.2 Analisis Latar Belakang Responden Temubual .....	36
4.3 Analisis Latar Belakang responden Soal Selidik .....	38
4.3.1 Taburan responden mengikut umur .....	38
4.3.2 Taburan responden mengikut jantina .....	39

4.3.3 Taburan responden mengikut Bangsa .....	39
4.3.4 Taburan responden mengikut Umur .....	40
4.3.5 Taburan responden mengikut negeri beraustautin .....	40
4.4 Mengenalpasti nilai Kepentingan Warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su .....	42
4.4.1 Nilai Senibina .....	42
4.4.2 Nilai Sejarah .....	43
4.4.3 Nilai Warisan .....	43
4.4.4 Analisis Kajian bagi nilai kepentingan warisan .....	45
4.5 Mengenalpasti kaedah interpretasi yang digunakan di Rumah Warisan Haji Su .....	46
4.5.1 Sistem Personal .....	46
4.5.2 Sistem Non-Personal .....	47
4.5 Mengukur tahap keberkesanan kaedah Interpretasi di Rumah Warisan Haji Su .....	56
4.6.1 Data Analisis Responden Borang Soal Selidik .....	57
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan .....	61
5.2 Perbincangan dapatan kajian .....	61
5.2 Cadangan Kajian .....	65
5.3 Penutup .....	67
<b>RUJUKAN .....</b>	68
<b>LAMPIRAN .....</b>	69

## SENARAI GAMBAR

GAMBAR 2.1	Rumah Bujang Berserambi	15
GAMBAR 2.2	Rumah Limas Belanda	16
GAMBAR 2.3	Rumah Bujang Berpeleh	17
GAMBAR 2.4	Rumah Warisan Haji Su Sebelum Konservasi	22
GAMBAR 2.5	Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga Selepas Konservasi	23
GAMBAR 2.6	Rumah Limas Belanda Selepas Konservasi	23
GAMBAR 4.1	Pelan Lantai Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga	47
GAMBAR 4.2	Pelan Lantai Rumah Limas Belanda	48
GAMBAR 4.3	Galeri Pameran Proses Konservasi Rumah Warisan Haji Su	48
GAMBAR 4.4	Panel Sejarah Rumah Bujang Berpeleh	49
GAMBAR 4.5	Pameran Tanggam Dan Pasak	49
GAMBAR 4.6	Papan Tnada Rumah Warisan Haji Su	49
GAMBAR 4.7	Papan Tanda Waktu Operai	49
GAMBAR 4.8	Papan Tanda Rumah Limas Belanda	50
GAMBAR 4.9	Papan Tanda Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga	50

## SENARAI RAJAH

RAJAH 2.1	Salasilah Keluarga Haji Su	20
RAJAH 3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	27
RAJAH 4.1	Carta Organisasi Rumah Warisan Haji Su	45
RAJAH 5.1	Sistem Interpretasi Rumah Warisan Haji Su	63

## SENARAI JADUAL

JADUAL 3.1	Skala likert	30
JADUAL 3.2	Kaedah analisis data	33
JADUAL 3.3	Skala likert	34
JADUAL 3.4	Jumlah kedatangan pelancong	35
JADUAL 4.1	Maklumat responden temubual	37
JADUAL 4.2	Latar belakang responden mengikut umur	37
JADUAL 4.3	Latar belakang responden mengikut jantina	38
JADUAL 4.4	Latar belakang responden mengikut bangsa	38
JADUAL 4.5	Latar belakang responden mengikut pekerjaan	39
JADUAL 4.6	Latar belakang responden mengikut negeri bermastautin	39
JADUAL 4.7	Nilai estetik dan senibina	41
JADUAL 4.8	Nilai sejarah	42
JADUAL 4.9	Nilai budaya	43
JADUAL 4.10	Nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbahagian atau integrasi bentuk yang luar biasa	44
JADUAL 4.11	Tag Maklumat Binaan Asal	51
JADUAL 4.12	Tag Maklumat pemuliharaan	52
JADUAL 4.13	Tag Maklumat Kesan Sejarah	53
JADUAL 4.14	Tag Maklumat Binaan Baru	54
JADUAL 4.15	Tahap keberkesanan intepreter/Jurupandu/Pegawai Penerang	56
JADUAL 4.16	Tahap Keberkesanan Galeri Pameran/Informasi Bergambar	57
JADUAL 4.17	Tahap Keberkesanan Papan Tanda Maklumat	58
JADUAL 4.8	Tahap Keberkesanan Tag Maklumat	59

**SENARAI CARTA**

CARTA 4.1	Nilai Estetik Dan Senibina	41
CARTA 4.2	Nilai Sejarah	42
CARTA 4.3	Nilai Budaya	43
CARTA 4.4	Nilai Kepentingan Dalam Mempamerkan Kekayaan	44
CARTA 4.5	Tahap Keberkesanan Intepreter/Pegawai Penerang	56
CARTA 4.6	Tahap Keberkesanan Galeri Pameran/Informasi Bergambar	57
CARTA 4.7	Tahap Keberkesanan Papan Tanda Maklumat	58
CARTA 4.8	Tahap Keberkesanan Tag Maklumat	59

**SENARAI PETA**

PETA 1.1	Peta Negeri Terengganu	7
PETA 1.2	Peta Daerah Kuala Terengganu	8
PETA 1.3	Lokasi Rumah Warisan Haji Su	8

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Malaysia amat terkenal dan kaya dengan nilai warisan antaranya bangunan warisan, artifak, monumen dan banyak lagi yang telah ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu. Kebanyakannya juga merupakan hasil binaan dan peninggalan penjajah yang telah datang berlayar dan menjajah tanah Melayu. Dengan adanya sumber warisan ini, industri pelancongan di Malaysia telah berkembang pesat. Menurut Kamus Dewan Bahasa edisi keempat, pelancongan bermaksud perihal melancong atau perihal orang melancong dan perkhidmatan yang berkaitannya.

Antara negeri yang terkenal dengan sumber-sumber warisan ialah negeri Terengganu. Oleh itu, bagi meningkatkan jumlah pelancong, industri pelancongan telah dibangunkan oleh pihak kerajaan dari masa ke semasa, memberikan lebih banyak kemudahan dan keselesaan kepada pelancong. Ini kerana, menurut Menteri Besar Terengganu, beliau sedar akan kekayaan produk pelancongan yang terdapat di Terengganu terutamanya yang berasaskan kekayaan alam semula jadi, budaya, kesenian dan warisan. Oleh itu, kerajaan telah bertindak memaksimumkan kesemuanya dengan lebih berkesan dan efektif. Antara tempat-tempat yang menarik di Terengganu ialah Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pantai Bukit Keluang, Pantai Batu Buruk, Muzium Negeri, dan termasuklah Rumah Warisan Haji Su.

Namun begitu, dalam memastikan pelancongan warisan di Malaysia memberikan keberkesanan yang baik kepada pelancong, sistem interpretasi juga haruslah ditambah-baik. Ini kerana ia merupakan bahagian penting dalam memelihara

dan mempamerkan warisan di Malaysia. Dengan adanya interpretasi warisan, ia dapat membantu pelawat mempelajari tentang sejarah dan budaya Malaysia. Interpretasi merupakan satu proses pendidikan yang bertujuan untuk mengungkap makna atau kepentingan budaya dan tradisi masyarakat. Bagi meningkatkan lagi kesedaran tentang pemeliharaan warisan budaya, interpretasi dan persembahan elemen warisan budaya harus ditonjolkan dan dikongsi bersama masyarakat tempatan dan pelancong. Ia juga bermaksud apa-apa jenis bentuk persembahan yang menggunakan bahan fakta. Dalam sistem interpretasi, bahan seperti seperti informasi tapak, papan tanda, brosur, bahan pameran dan banyak lagi ditakrifkan sebagai jenis bahan material fakta. Dengan adanya interpretasi ini ia secara langsung dapat meningkatkan imej sesebuah negara di mata pelancong dan boleh mempengaruhi sektor pelancongan di negara.

Menurut Mohd Yusuf Abdullah (2012) dalam bukunya bertajuk “The Malay Architectural Heritage of Terengganu”, salah satu khazanah asli Terengganu masih utuh dan mempunyai nilai yang indah, iaitu seni bina. Seni bina tradisional Terengganu telah dianggap sebagai sebahagian daripada khazanah seni bina Kepulauan Melayu dan tempat kelahiran tamadunnya. Menurut surat khabar Utusan Malaysia yang bertarikh 17 Mac 2014, pihak Universiti Putra Malaysia juga telah berusaha untuk mengabadikan warisan seni bina Melayu yang terdapat di Terengganu. Menurut mereka, reka bentuk rumah tersebut hampir pupus namun sebenarnya merupakan simbol kepada kesempurnaan seni bina rumah tradisional. Ia juga dianggap sebagai suatu peninggalan masyarakat terdahulu yang tinggi keilmuan dan kreativiti dan inovasi.

Secara rumusannya, sistem interpretasi yang berunsurkan warisan amat penting dalam menjadikan sesuatu tempat itu sebagai destinasi pelancongan yang menarik terutama di kawasan yang mempamerkan keunikan tertentu, sama ada seni bina, budaya masyarakat, sejarah dan keindahan alam semula jadi yang tidak ternilai.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian. Kajian dilakukan di Rumah Warisan Haji Su yang terletak di Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu yang terkenal dengan sejarahnya. Mengikut catatan sejarah,

Allahyarham Haji Su Mohammed Salleh bin Haji Mohammed merupakan seorang yang sangat berpengaruh di kawasan itu. Justeru itu, kampung tersebut telah dinamakan dengan namanya bagi mengenang akan jasa dan sumbangannya terutamanya ke arah kesenian, kebajikan dan pembangunan kawasan tersebut.

Pada zaman dahulu, Losong Haji Su merupakan kawasan yang rendah dan sering ditenggelami air terutama apabila tiba musim tengkujuh. Ini kerana, kawasan ini terletak di antara Sungai Hiliran dan Kuala Sungai Terengganu. Pada tahun 1927 juga, telah berlaku banjir besar dan telah mengelamkan banyak rumah di kawasan tersebut termasuklah rumah Warisan Haji Su. Daerah ini juga pernah di bom sebanyak dua kali oleh tentera Jepun dan British hingga menyebabkan hampir sebahagian besar daripadanya kawasan tersebut musnah termasuk rumah-rumah kediaman.

Bagi lokasi kajian, rumah ini berada di kawasan yang sangat strategik kerana ia terletak di kawasan tumpuan pelancong. Ini kerana di sekitar kawasan tersebut merupakan kawasan yang mengusahakan perusahaan keropok lekor. Kawasan ini juga terletak di ibu negeri Terengganu iaitu Kuala Terengganu dan berada di tengah-tengah bandar.

Bagi menghargai kesenian yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su, Muzium Negeri Terengganu telah bertindak membeli dan membaikpulih rumah tersebut. Tujuannya adalah untuk memartabatkan lagi kesenian dan nilai warisan Melayu yang terdapat pada rumah itu. Senibina moden juga sudah bertapak dan berkembang pesat di kawasan sekitar tersebut. Oleh itu, bagi memastikan nilai warisan rumah ini terpelihara, sistem interpretasi haruslah dilakukan dengan sebaik mungkin agar dapat menarik ramai pelancong dan minat masyarakat muda akan senibina rumah tersebut.

Kesimpulannya, pengkaji melihat Rumah Warisan Haji Su ini amat bernilai dan haruslah dijaga dan dipulihara dengan baik. Justeru itu, pengkaji akan memfokuskan kepada keberkesanan sistem interpretasi yang terdapat pada rumah warisan ini kepada pengunjung. Rumah ini juga telah dibeli oleh pihak Muzium Terengganu dalam usaha menjaga nilai warisannya. Dengan adanya sistem interpretasi yang menarik dan berkesan ia dapat memberikan pengalaman yang menarik buat para pelancong.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Penyataan masalah merupakan masalah yang ingin diketengahkan dalam kajian ini. Oleh itu, dalam proses bagi menyelesaikan masalah tersebut, pengkaji perlulah menganalisis dan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi. Pengkaji juga akan mengenalpasti masalah tersebut dengan melakukan pemerhatian, temubual, melakukan pembacaan jurnal-jurnal dan artikel yang berkaitan dan menganalisis maklumat yang diperoleh. Dengan adanya permasalahan kajian ini ia dapat membantu pengkaji untuk menangani masalah dan isu yang ingin difokuskan.

Terdapat beberapa sebab mengapa pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ini. Antara salah satu sebabnya ialah kebanyakan tapak warisan kurang menarik perhatian pengunjung. Ini mungkin berpunca daripada pihak pengurusan tapak warisan yang tidak melakukan penambahbaikan sistem interpretasi warisan dari segi penyampaian maklumat, latarbelakang, sejarah dan sebagainya. Pihak pengurusan tapak warisan haruslah lebih kreatif dan memastikan bentuk atau media yang dibuat lebih sesuai selaras dengan aliran semasa. Dalam kajian yang telah dibuat oleh Nazal Hasyim (2007), beliau berkata muzium atau bangunan warisan kekurangan pelawat walaupun proses pembinaannya yang menelan perbelanjaan yang besar.

Daripada dapatan kajian yang telah dibuat oleh Cheng (2005) menunjukkan bahawa risalah, brosur, papan tanda maklumat, buku panduan, galeri pameran, dan jurucakap amat memberi keberkesanan dalam memahamkan pelancong akan sesuatu tempat warisan tersebut. Berdasarkan kajian psikologi yang telah dibuat oleh Lewis, (1994) juga mengatakan bahawa pengunjung akan ingat 10% apa yang mereka dengar, 30% apa yang mereka baca. 50% apa yang mereka lihat dan 90% apa yang mereka buat.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini ialah :

1. Mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su
2. Mengenalpasti kaedah interpretasi warisan yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su
3. Menghuraikan keberkesanan sistem interpretasi warisan yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su kepada pelawat

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian ini ialah

1. Apakah nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su
2. Apakah kaedah interpretasi warisan yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su
3. Bagaimanakah keberkesanan sistem interpretasi warisan yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su kepada pelawat?

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, skop kajian akan tertumpu kepada Rumah Warisan Haji Su yang terletak di Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu, Terengganu. Di dalam bab ini juga, pengkaji akan memfokuskan nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su. Selain itu, pengkaji akan mengenalpasti sistem interpretasi warisan yang terdapat pada rumah tersebut dan membuat kesimpulan adakah sistem interpretasi yang digunakan berkesan kepada pelawat.

### 1.6.1 Lokasi Kajian

Kajian dijalankan di kawasan perkampungan Kampung Losong yang terletak di daerah Kuala Terengganu. Kuala Terengganu merupakan pusat pentadbiran bagi negeri Terengganu. Kuala Terengganu mempunyai keluasan 60,654.3 hektar dan Rumah Warisan Haji Su terletak di Lot 7181 Rumah Warisan Negeri (Rumah Warisan Haji Su) 21000, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

#### 1.6.1.1 Negeri Terengganu

Negeri Terengganu Darul Iman merupakan antara negeri yang tercantik dan makmur di Malaysia. Negeri Terengganu terletak di Pantai Timur semenanjung Malaysia, dan bersempadan dengan Kelantan dan Pahang. Keluasan negeri ini ialah  $129.55 \text{ km}^2$  dan mempunyai 8 buah daerah seperti Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Besut, Setiu, Kemaman, Kuala Neris dan Dungun. Daerah Setiu ditubuhkan pada 1 Januari 1985, menjadi daerah ketujuh di negeri ini. Manakala Kuala Neris telah ditubuhkan sebagai Daerah 8 pada 18 September 2014.




Peta 1.1 : Peta Negeri Terengganu

Sumber : Internet

#### 1.6.1.2 Daerah Kuala Terengganu

Lokasi kajian ini terletak di daerah Kuala Terengganu iaitu ibu Bandar bagi negeri Terengganu. Bandar ini terletak di muara Sungai Terengganu dan menghadap Laut China Selatan. Daerah Kuala Terengganu ini merupakan negeri yang mempunyai keluasan terkecil tetapi mempunyai penduduk yang paling ramai iaitu dianggarkan seramai 343,284 orang.




Peta 1.2 : Peta Daerah Kuala Terengganu

Sumber : Internet

### 1.6.1.3 Rumah Warisan Haji Su

Rumah Warisan Haji Su terletak di Lot 7181, Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu, Terengganu. Ia merupakan rumah warisan negeri yang telah dibeli oleh Muzium Negeri Terengganu. Dahulunya, ia merupakan kediaman Haji Su, seorang bangsawan yang sangat terkenal di Terengganu.



Peta 1.3 : Rumah Warisan Haji Su

Sumber : Internet

## 1.7 Kepentingan Kajian

Rumah Warisan Haji Su merupakan rumah warisan yang mempunyai nilai kepentingan warisan dan sejarahnya yang tersendiri contohnya kesan serpihan bom Jepun semasa Perang Dunia ke-2, nilai estetika bangunan masyarakat Terengganu dan sebagainya.. Ia sebenarnya boleh dilihat dengan dengan mata kasar dan dihayati oleh para pelawat. Antara kepentingan kajian ini ialah :

### 1.7.1 Individu

Dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam sistem interpretasi warisan dan dapat dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji lain

### 1.7.2 Masyarakat

Dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat setempat akan nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su

### 1.7.3 Pengunjung Rumah Warisan Haji Su

Antara kepentingan kajian ini kepada pelancong ialah ia dapat meningkatkan kualiti pengalaman pelancongan mereka. Oleh itu, dengan menambahbaik dan meningkatkan media interpretasi ia akan dapat memuaskan hati para pelancong dan menarik minat mereka untuk datang buat kali ke-2. ia juga dapat meningkatkan nilai warisan dalam diri pelancong bahawa rumah warisan tersebut telah dibina pada zaman dahulu namun senibinanya amat gah dan menarik.

### 1.7.4 Pihak Pengurusan Rumah Warisan Haji Su

Dengan adanya kajian ini, ia dapat menjadi mengukur kepada tahap keberkesanan media interpretasi yang sedia ada di Rumah Warisan tersebut. Oleh itu, pihak pengurusan akan mendapat gambaran secara terperinci berkenaan

kesesuaian penggunaan media interpretasi di kalangan pelancong. Oleh yang demikian, langkah segera haruslah diambil sama ada melakukan proses penambahbaikan ataupun pembaharuan media interpretasi di Rumah Warisan tersebut. Kesannya ia mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan Rumah Warisan Haji Su pada masa akan datang. Ia juga boleh menjadi sumber pendapatan kepada ekonomi sesebuah negara. Ini kerana, dengan wujudnya keberkesanan media interpretasi, ia dapat menarik masyarakat luar untuk berkunjung ke Malaysia. Contohnya di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Korea, Jepun dan sebagainya yang mempunyai jumlah kedatangan pelancong yang ramai saban tahun disebabkan keberkesanannya dalam media interpretasi.

### 1.8 Rumusan Bab

Kesimpulannya, peninggalan seperti rumah tradisional lama merupakan warisan negara yang sangat bernilai dan berharga. Oleh itu, sistem interpretasi haruslah ditambah baik dan dibuat dengan sebaiknya. Ini kerana, dengan adanya media interpretasi ia mampu menarik ramai pelancong sekaligus dapat menaikkan sektor pelancongan di Malaysia.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian ialah kajian lepas atau sumber rujukan yang diperoleh selepas memproses dan meneliti kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Sumber ataupun maklumat kajian diperoleh hasil daripada jurnal, tesis, Internet, keratan akhbar dan kenyataan daripada seseorang pakar.

#### 2.2 Interpretasi

Interpretasi ialah suatu aktiviti pendidikan yang bertujuan untuk mendedahkan maksud dan hubungan dengan pelbagai objek, melalui pengalaman langsung, dan melalui ilustrasi media.

Di samping itu, ia juga memberi maksud penerangan ataupun info yang diperoleh pelawat hasil daripada sistem interpretasi yang dilakukan oleh pihak pengurusan kawasan pelancongan warisan. Antara kaedah interpretasi yang digunakan ialah kaedah interpretasi bersemuka, bahan bercetak, brosur, papan tanda, media elektronik, media sosial dan banyak lagi. Oleh itu, ia dapat memberi kefahaman kepada pelawat akan sejarah, tujuan, kegunaan sesuatu barang ataupun tempat dan sebagainya yang berkaitan dengan kawasan tersebut.

### 2.2.1 Prinsip-prinsip Interpretasi

Piagam ICOMOS (1999) memberi panduan kepada apa yang patut dipertimbangkan untuk program interpretasi warisan. Aspek utama adalah pengekalan keaslian warisan dan pengalaman budaya yang meliputi.

1. Meningkatkan penghargaan dan pemahaman tentang warisan budaya
2. Hadirkan kepentingan budaya dengan cara yang relevan dan boleh diakses
3. Gunakan pendidikan, teknologi dan penjelasan peribadi yang sesuai, merangsang dan kontemporari
4. Menggalakkan kesedaran awam dan sokongan warisan yang tinggi
5. Menggalakkan pelawat untuk mengalami warisan budaya / semula jadi yang lebih luas di rantau ini
6. Penglibatan semua pihak, termasuk wakil komuniti tempatan dan / atau masyarakat tempatan adalah perlu untuk mencapai industri pelancongan lestari.

### 2.3 Rumah Tradisional Melayu di Malaysia

Rumah tradisional atau juga dikenali sebagai rumah Melayu tradisional merupakan sebahagian daripada warisan seni bina Malaysia dan ianya amat bernilai dan telah diwarisi sejak ratusan tahun dahulu. Ia direka dan dibina oleh tukang mahir. Dengan kewujudan rumah tradisional tersebut juga ia dapat menonjolkan kemahiran dan kreativiti mereka dalam bidang seni bina.

Gaya dan bentuk rumah tradisional Melayu kebanyakannya dipengaruhi oleh persekitaran, gaya hidup, ekonomi dan iklim. Antara perkara utama yang mendominasi bentuk seni bina bangunan di Malaysia adalah iklim. Ini kerana, rumah tersebut haruslah dibina bersesuaian dengan iklim yang terdapat di Malaysia iaitu beriklim panas dan lembap sepanjang tahun. Dengan itu, ia dapat memberikan pengudaraan yang baik dan memberikan keselesaan yang maksimum. Rumah Melayu tradisional juga mempunyai sistem tambahan yang membolehkan rumah itu bertahan lebih lama.

Di samping itu, rumah tradisional Melayu juga melambangkan cara hidup dan sikap keterbukaan orang Melayu itu sendiri. Rumah ini juga telah dibina menggunakan kayu dan tiang. Rumah tersebut dibina dengan tiang atau berpanggung dibina dengan cara membuat laluan angin atau pengedaran udara di dalam rumah. Semasa banjir pula, rumah bertiang boleh mengelakkan rumah daripada ditenggelami air. Bentuk bumbung yang curam dipanggil tenda lipat, sesuai untuk pengaliran air hujan. Kayu adalah elemen yang sangat sesuai kerana ia mempunyai sifat semula jadi yang baik untuk membentuk kerangka rumah.

Manakala bagi membantu pengaliran udara, dinding rumah akan dibuat menggunakan kayu ataupun anyaman buluh. Bagi atap, para tukang telah menggunakan nipah atau kayu. Dalam pembinaan rumah tradisional ini juga, tingkap di dominasi dari semua sudut rumah untuk memberikan peredaran udara yang mencukupi ke rumah. Bagi ruang dalaman pula, ia mempunyai ruang terbuka yang sangat luas dengan sedikit pemisahan. Menurut Mohamad Rasdi (2004) rumah pertama yang digunakan oleh orang Melayu dipanggil pondok atau dangau.

Seterusnya, di Terengganu antara rumah lama yang terdapat di Terengganu ialah Rumah Gajah Menyusu, Limas Bungkus dan Limas Belanda. Di Perak, mereka terkenal dengan rumah Kutai yang merupakan rumah Melayu tradisional di Perak. Kebanyakan rumah ini terletak di tebing Sungai Perak khususnya di daerah Tengah Hilir Perak dan Kuala Kangsar. Di Melaka, rumah tradisional itu dipanggil Rumah Melayu Melaka. Sehingga kini, ia boleh ditemui di seluruh negeri Melaka.

Seterusnya di Sarawak, antara rumah tradisional yang terdapat di sana ialah Rumah Panjang. Rumah tersebut merupakan rumah tradisi kaum Iban. Manakala di Negeri Sembilan mempunyai rumah yang mempunyai bumbung panjang yang dikenali sebagai rumah Minangkabau. Menurut Zakiah Hanum (1988), setiap rumah Melayu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, dan yang mengikatnya ialah prinsip binaan berdasarkan tiang dan rasuk.

Secara ringkasnya, bentuk rumah tradisional ini sudah beransur-ansur berubah. Bahan-bahan seperti kayu, atap nipah, atap jerami, atap bertam telah digantikan dengan bahan moden seperti zink d simen dan batu-bata. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu bagi mengekalkan elemen yang terdapat pada rumah tradisional Melayu. Rumah-rumah lama yang masih ada haruslah dijadikan tapak warisan dan tempat pelancongan agar masyarakat kini tahu akan kewujudan rumah tradisional Melayu tersebut.

## 2.4 Rumah Melayu Tradisional di Terengganu

Negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terkenal dengan peninggalan rumah tradisional Melayu lama. Kebanyakan rumah lama ini masih dijaga dan dipelihara oleh penduduk tempatan. Antara rumah lama yang terdapat di Terengganu ialah Rumah Gajah Menyusu, Rumah Potong Belanda, Rumah Limas Belanda, Rumah Bujang Barat dan Rumah Perabung lima.

Rumah tradisional Terengganu juga dibina tanpa menggunakan sebarang paku. Rumah Gajah Menyusu merupakan rumah terawal yang dibina oleh orang Melayu di Terengganu. Rumah ini mempunyai bentuk bumbung yang panjang dan bertabir layar yang dikenali sebagai dangau atau teratak. Bentuk rumah ini masih digunakan lagi sekarang oleh penduduk pedalaman di Terengganu.

### 2.4.1 Rumah Bujang Berserambi Selasar

Rumah Bujang Berserambi Berselasar atau Rumah Tiang Seribu merupakan salah satu rumah tradisional Melayu di Terengganu. Antara keunikan yang terdapat pada rumah ini ialah rumah ini diperbuat daripada kayu cengal namun lantainya adalah menggunakan kayu seraya. Lantainya juga dipasang menggunakan kaedah pasak dan selak. Ia juga dibina dengan bumbung yang panjang disertai papan pemeleh dan beralaskan atap singgora.

Bagaimanapun, rumah itu tidak mempunyai bilik. Rumah itu hanya mempunyai satu bilik besar dan luas iaitu rumah ibu, dapur dan ruang selasar. Aras rumah yang paling tinggi adalah rumah ibu. Oleh kerana struktur rumah yang tinggi, bahagian bawah rumah boleh dilalui dan dijalankan pelbagai aktiviti harian. Bagi bahagian selasar, ia hanya setinggi pinggang orang dewasa. Selasar merupakan ruang terbuka yang boleh digunakan sebagai ruang pembelajaran, menjahit jala atau pukat, dan aktiviti riadah terutamanya melibatkan lelaki.



Gambar 2.1 : Rumah Bujang Berserambi

Sumber : Internet

#### 2.4.2 Rumah Limas Belanda

Rumah Limas Belanda atau juga dikenali sebagai Rumah Limas Bungkus mula dibina di Terengganu pada abad ke-19. Salah satu keistimewaan rumah ini ialah penggunaan sebatang bumbung yang lurus mendatar dan empat batang perabung menurun ke cucuran atap. Bagi bahagian dinding pula ,ia menggunakan dinding jenis janda berhias dan pian dan disertai hiasan ukiran.

Terdapat tiga buah istana di Terengganu yang dibina dengan reka bentuk ini, Istana Tengku Anjang, Istana Tengku Long di Besut dan Istana Kolam di Kuala Terengganu. Rumah Limas Bungkus ini juga dihiasi dengan ukiran kayu yang menarik dan mengagumkan.



Gambar 2.2 : Rumah Limas Belanda

Sumber : Internet

### 3.4.3 Rumah Bujang Berpeleh

Rumah Bujang Berpeleh juga dikenali sebagai rumah Bujang berkembar. Keunikan yang terdapat pada rumah ini ialah dibina tanpa menggunakan sebarang paku dengan teknik tanggam dan pasak. Dengan menggunakan teknik tersebut, ia dapat memudahkan tuan rumah untuk mengalihkan rumah mereka sekiranya ingin berpindah. Di dalam rumah ini, ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu ruang hadapan, ruang ibu dan ruang dapur tanpa bilik tidur. Pada siang hari Ruang ibu akan dijadikan tempat untuk menjalankan aktiviti harian seperti mengaji, menganyam, menenun songket dan sebagainya dan pada waktu malam pula, ia digunakan sebagai ruang tidur bagi penghuninya.

Pada bahagian bumbung rumah, abjad “V” terbalik akan kelihatan pada reka bentuk rumah tersebut. Reka bentuk tersebut dipanggil “peleh”. Peleh merupakan identiti bagi rumah tradisional Melayu Terengganu. Ini kerana, ianya hanya terdapat pada bahagian bumbung rumah Terengganu sahaja dan menjadikannya

sebagai identiti rumah tradisional Terengganu. Selain itu, rumah ini juga dibina tinggi bagi mengelakkan bencana alam seperti banjir dan ancaman haiwan. Bagi hiasan dinding, ia menggunakan anyaman buluh yang bercorak siku kluang. Bagi hiasan dinding tersebut, ia juga dipanggil sebagai Janda Berhias. Ini kerana corak dan rekaannya sangat cantik dan menarik.

Bagi bahagian tangga pula, ia telah dibina secara curam dan ganjil. Menurut masyarakat terdahulu, setiap reka bentuk yang dibuat mempunyai maksudnya yang tersendiri.



Gambar 2.3 : Rumah Bujang Berpeleh

Sumber : Internet

## 2.5 Sejarah Pembinaan Rumah Haji Su

Rumah ini telah didirikan lebih kurang seratus tahun yang lalu. Pada dasarnya rumah kajian ini telah diasaskan oleh haji Mohammed Kaya iaitu ayah kepada Haji Su Mohammed Salleh. Sebahagian rumah telah pun musnah semasa perang Jepun-Malaya. Setelah peperangan tamat, rumah kajian telah dibaikpulih semula dengan menggunakan tiang-tiang yang asal serta tinggalan yang masih boleh digunakan. Walaupun ia telah dibaiki namun pelan serta bentuk bangunan baru tidak banyak berbeza daripada rekabentuk bangunan asal.

Namun demikian, kebanyakan ukiran tebuk telus (sobek) yang terdapat di bahagian hadapan terutama yang terdapat di serambi dan anjung telah musnah dan diganti dengan hiasan kayu yang bersilang dan menggunakan ram-ram tetap (fixed lourves). Sungguhpun ukiran itu telah musnah namun keunggulan ruangnya masih dapat dirasai. Rumah ini dibina di atas tanah yang dibeli oleh Haji Mohammed. Pada asalnya tanah ini sudah pun dibuka oleh seseorang yang tidak diketahui namanya. Tanah dan rumah kajian telah diwariskan sejak turun temurun sehingga sekarang.

Oleh kerana Haji Su sendiri merupakan seorang saudagar yang sering belseyari, maka pendedahan beliau mengenai senibina serta bentuk-bentuk yang pernah beliau lihat semasa pelayaran telah mempengaruhi rekabentuk rumah beliau. Pada amnya rumah kajian ini boleh dikatakan sebagai rumah pasang siap. Keseluruhan binaan struktur ini boleh dikatakan sebagai rumah pasang siap. Keseluruhan binaan struktur utama dan binaan kemasan pada bahagian lantai dan dinding dahulu dibina daripada kayu dan manakala kemasan bumbung-nya pula menggunakan genting singgora. Genting ini dibawa khas daripada daerah Singgora yang terletak di selatan Thailand. Kebanyakan orang-orang yang berada sahaja menggunakan genting ini. Manakala jenis kayu yang digunakan pada keseluruhan binaan merupakan jenis kayu cengal di mana sumbernya terdapat di persekitaran negeri Pahang dan Terengganu. Bagi binaan rumah kajian ini, kayu cengal diambil daripada negeri Pahang dengan menggunakan kapal.


Rumah Haji Su dibina dengan memakan masa selama lebih kurang dua tahun. Pekerja yang diambil semasa pembinaan rumah ini adalah dari kalangan penduduk tempatan. Tukang-tukang mahir yang bekerja untuk membina rumah ini adalah seramai dua puluh orang. Tukang-tukang ini adalah tukang yang mahir di dalam pembinaan kapal. Seseorang tukang yang mahir di dalam pembinaan kapal dengan sendirinya akan mahir juga di dalam pembinaan rumah. Manakala seseorang yang mahir di dalam pembinaan rumah tidak mungkin mahir di dalam pembinaan kapal. Begitulah gambaran yang dapat dibayangkan bahawa kerja- kerja pertukangan di kawasan tersebut adalah mahir. Kebanyakan daripada mereka sudah meninggal dunia semasa peperangan.

### 2.5.1 Riwayat Hidup Haji Su

Nama sebenar Haji Su ialah Haji Su Mohammed Salleh bin Haji Mohammed di mana beliau lebih dikenali sebagai Saudagar Haji Su. Beliau telah mewarisi harta pusaka peninggalan Allahyarham ayahandanya iaitu Haji Mohammed. Haji Su sememangnya terkenal sebagai seorang cendekiawan yang sangat bijak dalam urusan pentadbiran dan perniagaan. Beliaulah yang menyambung warisan Allahyarham bapanya dengan melibatkan diri dalam bidang perniagaan memiliki sebuah syarikat perkапalan. Mengusahakan perlombongan bijih timah dan membuka tanah-tanah pertanian untuk menanam padi.

Selain daripada itu beliau juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti kebajikan. Bidang kesenian merupakan bidang yang diminati paling terutamanya bidang muzik. Haji Su menjadi pemimpin kepada kumpulan kesenian Dikir Pahang yang telah ditubuhkan oleh Allahyarham ayahandanya iaitu, Haji Mohamed. Kumpulan kesenian di bawah pimpinan belau sering diundang mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi kerajaan. Haji Su telah mendirikan rumah tangga dan telah dikurniakan sepuluh orang cahaya mata hasil daripada perkongsian hidup dengan dua orang isterinya.

Rumah kajian merupakan salah sebuah rumah yang di sediakan untuk salah seorang isterinya yang terletak di lot 1781, 224 dan 1491. Kawasan tapak rumah kajian beralamat No. 124, Losong Haji Su, 21400 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Sebahagian rumah telah musnah semasa perang Jepun-Malaya tahun 1940. Rumah ini telah Dibina semula dengan berdasarkan kepada rekabentuk yang asal oleh Haji Su. Itulah sebabnya mengapa ia dikenali sebagai rumah Haji Su walaupun pengasasnya adalah Haji Mohammed Kaya. Haji Su merupakan seorang yang bukan sahaja mewarisi harta peninggalan ayahnya tetapi berusaha mengembangkan lagi perniagaannya. Warisan yang ada diperkembangkan dengan kebijaksanaan beliau dan menyebabkan ia lebih terkenal berbanding dengan ayahnya.



### 2.5.2 Riwayat hidup Haji Mohammed

Haji Mohammad merupakan salah seorang di antara saudagar yang terkaya di Terengganu pada masa itu. Dengan itu Haji Mohammad lebih dikenali sebagai Haji Mohammad kaya. Memiliki sebuah syarikat perkapalan

yang begitu dikenali di rantau ini pada waktu dahulu. Salah sebuah kapal yang dimilikinya iaitu yang dinamakan "Dogol' dikatakan pernah membawa utusan dari Sultan Terengganu ke Siam untuk "bunga mas' (ufti) pada suatu masa dahulu. Menghantar Merupakan seorang yang berpengaruh di kawasan Losong dan di negeri Terengganu.

Pada waktu dahulu beliaulah tempat orang-orang kampung yang menghadapi masalah untuk mengadu hal. Haji Mohammed merupakan seorang tokoh yang berkaliber, berwibawa, disanjung, disegani dan dihormati bukan sahaja oleh penduduk tempatan dan sangat disegani oleh sultan dan pembesar-pembesar negeri. Ketegasannya dalam membuat sebarang keputusan dan berani menyebabkan beliau seorang yang berjaya dalam hidupnya. Haji Mohammed merupakan seorang nakhoda kapal yang cekap dan berpengalaman luas dalam pelayaran.

Banyak negara telah dijelajah terutamanya di negara-negara jiran yang berdekatan seperti Indonesia, Thailand dan lain-lain lagi. Haji Mohammed telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan empat orang cahaya mata. Beliau telah membina sebuah buah rumah khas untuk isterinya. Rumah tersebut telah dibina merupakan rumah kajian yang terletak di lot 1781, 224 dan 1491. Kawasan tapak rumah kajian yang beralamat No. 124, Losong Haji Su, 21400 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Memandangkan beliau adalah seorang ahli pelayaran dan mempunyai syarikat perkapalan, maka rekabentuk rumah beliau adalah berdasarkan kepada ciri-ciri keperibadian beliau. Rekabentuk rumah beliau telah banyak dipengaruhi oleh unsur unsur luar. Cara binaannya adalah mengikut kaedah binaan kapal dan tiangnya atau kerangka utama terletak di bahagian dalam rumah. Jelas dengan apa yang dapat dilihat di sini, bahawa kaedah pembinaan rumah beliau adalah berbeza daripada binaan rumah biasa yang terdapat di persekitaran

## 2.6 Pemuliharaan Rumah Warisan Haji Su

Bagi melakukan proses pemuliharaan ke atas Rumah Haji Su, Kerajaan Negeri Terengganu telah melabur jutaan ringgit untuk melindungi rumah bersejarah ini. Matlamat mereka adalah untuk memastikan sejarah dan nilai kepentingan warisan yang ada tidak hilang dan lenyap begitu sahaja.



Gambar 2.4 : Rumah Warisan Haji Su sebelum Konservasi

Sumber : Internet

Kerja-kerja konservasi Rumah Haji Su bermula pada Jun 2014 dan telah berakhir pada akhir Februari 2016. Pada 3 lot tanah seluas 0.4 hektar di Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu terdapat Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga yang dibina pada tahun 1850-an dan Rumah Limas Belanda yang telah dibina pada tahun 1940-an. Pihak Kerajaan Negeri Terengganu melalui Lembaga Muzium Negeri Terengganu telah mengambil alih warisan berharga ini untuk dilakukan proses konservasi dan dikenalkan sebagai sumber ilmu yang berharga untuk generasi hari ini dan akan datang.



Gambar 2.5 : Rumah Bujang Berpeleh Berkembar tiga selepas konservasi

Sumber : Kajian Lapangan, April 2022



Gambar 2.6 : Rumah Limas Belanda selepas konservasi

Sumber : Kajian Lapangan, April 2022

KELANTAN

## 2.7 Rumusan Bab

Kesimpulannya, fokus kajian ini adalah kepada dokumentasi yang diperlukan untuk bab seterusnya. Sorotan kajian ini juga merupakan saluran di mana penyelidik boleh mencapai atau mendapatkan sumber primer. Selain itu, dengan adanya sorotan kajian ini, ia dapat mengukuhkan hujah atau penilaian terhadap karya penulis lain.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian ialah pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data, menganalisis, dan membuat kesimpulan. Dengan adanya metodologi kajian, ia dapat memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Manakala, menurut Siti Sarah (2015), metodologi kajian adalah kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Bab ini akan menerangkan secara keseluruhan berkaitan metodologi kajian yang akan digunakan bagi melaksanakan kajian ini. Ia merangkumi pendekatan kajian, rekabentuk kajian, pengumpulan data, persempelan, instrumen kajian, analisis data dan juga kesimpulan.

Bab ini juga akan menyentuh berkaitan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji berkaitan cara memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian ini iaitu Interpretasi Rumah Warisan Haji Su bagi merancakkan lagi Industri Pelancongan di Terengganu. Oleh itu, dengan adanya metodologi kajian ia dapat menjadikan kajian yang dilakukan lebih bersifat sistematik dan proses kajian lebih terarah dalam mencapai objektif.


### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan untuk membantu pengkaji mengumpul, menganalisis dan mentafsir hasil kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian juga telah menjadi model kepada pengkaji untuk membuat rujukan berkaitan pembolehubah yang dikaji.

Bagi memastikan kesahihan maklumat, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merupakan sumber maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian, temubual dan soal selidik. Manakala sumber sekunder ialah sumber maklumat yang diperoleh daripada jurnal, artikel, buku dan keratan akhbar.

Dengan adanya rekabentuk kajian ini, ia dapat dijadikan sebagai satu cara bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam menjawab persoalan dan objektif kajian.

Berdasarkan rajah 3.1 di bawah, carta metodologi kajian tersebut merupakan elemen yang penting dalam melengkapkan kajian. Fungsi carta ini adalah sebagai panduan dan rujukan pengkaji sepanjang kajian ini dilaksanakan, dapat memastikan proses kajian berjalan dengan lancar dan sebagai gambaran awal sebelum pengkaji melakukan proses yang seterusnya.



Rajah 3.1 : Carta Alir Metodologi Kajian

### 3.3 Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan satu proses di mana sesebuah data itu dikumpul, membuat pemerhatian terhadap sesuatu yang sedang berlaku, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan (Diyana, 2015). Pengumpulan data ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan juga data sekunder. Data primer adalah bentuk pertama data yang dikumpulkan, sedangkan data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan setelah data primer terkumpul. Kedua-dua bentuk data adalah penting dalam menjalankan penyelidikan, tetapi matlamat penyelidikan yang berbeza mungkin memerlukan bentuk data yang berbeza.

#### 3.3.1 Data Primer

Data primer adalah data asal yang telah dikumpul secara khusus bagi menjawab persoalan kajian. Data primer merupakan sumber yang bersifat asli dan belum ditafsirkan kepada umum seperti temu bual, pemerhatian, dan soal selidik (Vicky,2011).

##### 3.3.1.1 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kaedah yang dilakukan oleh penyelidik dalam mendapatkan data kajian dengan cara mengamati dan memerhati subjek kajian. Dalam pemerhatian turut serta, penyelidik akan melibatkan diri secara Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap tempat kajian sebelum mendapatkan responden. Tempat kajian tersebut ialah di Rumah Warisan Haji Su. Melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan, pengkaji akan menfokuskan kepada nilai warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su. Setelah itu, pengkaji akan mengenalpasti kaedah interpretasi yang dilakukan di Rumah tersebut dan adakah kaedah interpretasi yang digunakan dalam konteks pemuliharaan warisan berkesan.

### 3.3.1.2 Temubual

Temubual merupakan kaedah pengumpulan data yang akan melibatkan interaksi bersemuka dengan menggunakan kaedah lisan antara penyelidik dengan responden. Temubual ini juga merupakan salah satu kaedah terbaik bagi mendapatkan maklumat daripada informan secara langsung. Soalan yang diajukan akan merujuk kepada objektif yang telah dibuat pada awal kajian. Seterusnya, pemilihan responden adalah terdiri daripada pihak pengurusan Rumah Warisan Haji Su dan pihak Muzium.

### 3.3.1.3 Soal Selidik

Kaedah soal selidik ini merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini. Kajian berbentuk soal selidik merupakan satu bentuk kajian yang popular dalam kalanagan penyelidik. Dengan adanya soal selidik ini juga, ia dapat memudahkan pengkaji membuat proses bagi mendapatkan data-data kajian dengan mudah, tepat dan relevan dalam menjelaskan objektif yang dikaji. Di samping itu, soal selidik juga dapat memendekkan masa dan kos yang dibelanja. Di dalam borang soal selidik, soalan akan terbahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D.

Pada bahagian A ia merupakan bahagian data mengenai latar belakang responden ataupun demografi responden. Terdapat empat soalan yang akan diajukan iaitu jantina pelancong sama ada lelaki atau perempuan. Soalan keduanya pula mengenai umur pelancong tersebut. Manakala soalan seterusnya mengenai status pelancong dan soalan terakhir ialah asal-usul pelancong.

Sehubungan dengan itu, bahagian B pula adalah untuk mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su. Item-item seperti “sangat tidak setuju”, “tidak setuju”,

“tidak setuju”, “kurang setuju”, “setuju” dan “sangat setuju” telah disediakan dengan soalan yang diberikan. Manakala, dalam bahagian C pula menjurus kepada kaedah interpretasi yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su. Bagi bahagian yang terakhir iaitu bahagian D, pengkaji akan mengenalpasti keberkesanan kaedah interpretasi yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su dalam konteks pemuliharaan warisan.

### 3.3.1.3.1 Tatacara memproses dan mempersembahkan data

Pengumpulan data telah dijalankan oleh pengkaji dan dianalisis secara manual. Tahap analisis berjaya dicapai apabila data yang diperoleh, disunting dan ditafsirkan kepada angka. Selain itu, data yang dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, dan min akan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta pai dan graf bar. Setiap peringkat penilaian akan diberi nilai dalam bentuk angka menggunakan skala likert dan poin seperti berikut :

Skala	Penjelasan
1	Sangat Tidak Berkesan
2	Tidak Berkesan
3	Kurang Berkesan
4	Berkesan
5	Sangat Berkesan

Jadual 3.1 : Skala Likert

### 3.4.2 Data Sekunder

Data sekunder pula adalah sumber yang mempunyai perantaraan di antara keadaan dan pengalaman yang dikaji. Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain seperti maklumat daripada perpustakaan, buku dan juga laman sesawang.

#### 3.4.2.1 Perpustakaan

Kaedah perpustakaan adalah merupakan kaedah dengan mendapatkan maklumat yang diperlukan dan tidak diperoleh daripada kajian lapangan yang dijalankan akan diperoleh dari perpustakaan.

#### 3.4.2.2 Buku

Buku adalah kaedah yang merujuk kepada buku ilmiah yang mengandungi maklumat tambahan bagi memenuhi maklumat yang diperlukan pengkaji seperti dengan merujuk kajian-kajian lepas.

#### 3.4.2.3 Internet

Internet merupakan kaedah tambahan dalam data sekunder dengan cara melayari laman web rasmi dan tidak rasmi. Pada kebiasaannya pengkaji sering melayari laman laman web bagi mencari lokasi kajian dan bagi mendapatkan peta lokasi kajian

## 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah satu alat mahupun cara yang digunakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menjawab objektif kajian. Pada kebiasaannya, ia digunakan bagi melaksanakan temubual, kajian lapangan dan pemerhatian sepanjang kajian dijalankan. Antara alatan instrumen yang digunakan

adalah video yang akan digunakan oleh pengkaji untuk merakam responden semasa sesi soal jawab dijalankan. Hal ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk menyemak semula data yang diperoleh semasa sesi soal jawab dijalankan. Selain itu, ialah perakam suara yang digunakan sebagai satu alat bagi merakam suara semasa sesi temubual dijalankan. Di samping itu, alatan instrumen lain yang digunakan oleh pengkaji adalah kamera yang berfungsi sebagai alat untuk mengambil gambar yang diperlukan semasa sesi pemerhatian dijalankan.

### 3.6 Kaedah Analisis Data

Analisis data merupakan suatu kaedah untuk mengawal dan mempersempitkan data. Kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baru yang dapat digunakan dalam membuat kesimpulan. Menurut Taylor (1975), analisis data ialah proses yang menerangkan secara formal untuk menemukan tema dan merumuskan hipotesis seperti yang disarankan dan juga sebagai usaha untuk memberikan bantuan dan tema pada hipotesis. Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif akan diproses dan juga akan dianalisis bagi mendapatkan kesimpulan data.

Objektif Kajian	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian
Mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Soal Selidik</li> <li>- Temubual</li> <li>- Pemerhatian</li> </ul>	<p><b>Borang Soal Selidik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 186 set borang soal selidik dengan menggunakan jadual populasi Kraje &amp; Morgan (1970)</li> <li>- Diedarkan kepada pelawat Rumah Warisan Haji Su</li> <li>- Terbahagi kepada 3 bahagian           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahagian A : Latar Belakang Responden</li> <li>- Bahagian B : Tahap ketinggian nilai warisan warisan</li> <li>- Bahagian C : Keberkesanan sistem Interpretasi di Rumah Warisan Haji Su dalam kalangan pelawat</li> </ul> </li> </ul>

		<p><b>Temubual</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melakukan temubual secara separa struktur</li> <li>- Menggunakan buku catatan, perakam video dan audio</li> <li>- Saiz sampel kecil dan dipilih bukan secara rawak</li> <li>- Terdiri daripada Pihak Pengurusan Rumah Warisan Haji Su dan Pihak Muzium Terengganu</li> </ul> <p><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengkaji sendiri ke tapak kajian dan melakukan pemerhatian</li> <li>- Menggunakan buku catatan, perakam video, perakam gambar</li> </ul>
Mengenalpasti kaedah interpretasi yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su	- Temubual - Pemerhatian	<p><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengkaji sendiri ke tapak kajian dan melakukan pemerhatian</li> <li>- Menggunakan buku catatan, perakam video, perakam gambar</li> </ul> <p><b>Temubual</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melakukan temubual secara separa struktur</li> <li>- Menggunakan buku catatan, perakam video dan audio</li> <li>- Saiz sampel kecil dan dipilih bukan secara rawak</li> <li>- Terdiri daripada Pihak Pengurusan Rumah Warisan Haji Su dan Pihak Muzium Terengganu</li> </ul>
Menghuraikan keberkesanan kaedah interpretasi yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su dalam konteks pemuliharaan warisan	-Soal Selidik	<p><b>Borang Soal Selidik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 186 set borang soal selidik dengan menggunakan jadual populasi Krajae &amp; Morgan (1970)</li> <li>- Diedarkan kepada pelawat Rumah Warisan Haji Su</li> <li>- Terbahagi kepada 3 bahagian</li> <li>- Bahagian A : Latar Belakang Responden</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahagian B : Tahap ketinggian nilai warisan warisan</li> <li>- Bahagian C : Keberkesanan sistem Interpretasi di Rumah Warisan Haji Su dalam kalangan pelawat</li> </ul>
--	--	--

Jadual 3.2 : Kaedah Analisis Data

Selepas selesai menjalankan kajian di Rumah Warisan Haji Su, pengkaji akan menganalisa borang soal selidik dan hasil temuramah yang telah di jalankan. Bagi menganalisa borang soal selidik, pengkaji telah menggunakan ‘*Software Microsoft Office Excell 2007*’. Tujuan penggunaan perisian ini adalah bagi mendapatkan data yang tepat dan sahif serta tidak merumitkan pengkaji dalam menganalisa data.

Data yang telah di kumpul, dianalisis menggunakan perisian ‘*Software Microsoft Office Excell 2007*’ secara diskriptif seperti min dan peratusan. Populasi kajian ini terdiri daripada pelawat rumah warisan Haji Su. Sampel kajian adalah seramai 186 orang yang dipilih secara rawak berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Skala likert 5 mata digunakan sebagai mengenal pasti tahap persetujuan responden bagi setiap pernyataan. Tahap persetujuan skala likert 5 mata yang digunakan adalah seperti yang ditunjukkan dama jadual 1

Peringkat	Skala
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Jadual 3.3 : Skala likert

Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 186 set borang soal selidik kepada responden Berdasarkan borang soal selidik ini, pengkaji telah menganalisa data yang di peroleh daripada responden melalui bagi mendapatkan graf dan carta pai. Selain itu juga, pengkaji telah menggunakan kaedah penghuraian dalam menganalisa data yang diperoleh hasil daripada temuramah 3 orang responden. Kaedah ini sesuai dalam menganalisa data hasil daripada temuramah.

#### **Jumlah kedatangan pelawat ke rumah warisan Haji Su**

<b>Bulan</b>	<b>Jumlah Kedatangan Pelawat 2022</b>
Januari	248
Februari	335
Mac	330
April	176
Mei	371
Jun	378
Julai	199
Ogos	293
September	521
Oktober	583
November	611
Disember	265
<b>JUMLAH</b>	<b>4320 / 12 = 360</b>

Jadual 3.4 : Jumlah Kedatangan Pelancong

### 3.7 Rumusan Bab

Kesimpulannya, dengan kaedah metodologi yang digunakan ia dapat membantu pengkaji dalam menyimpulkan dan menyiapkan kajian ini. Hasilnya, pengkaji telah memperoleh pelbagai sumber maklumat yang bermanfaat bagi melengkapkan lagi kajian ini. Maklumat yang diperoleh adalah berkaitan dengan nilai warisan dan sistem Interpretasi yang dibuat dilakukan oleh Rumah Warisan Haji. Dapat disimpulkan bahawa dalam melalukan sesbuah penyelidikan, metodologi kajian amatlah penting. Hal ini kerana, ia membolehkan hasil kajian disimpulkan serta dijelaskan dengan lebih terperinci pada setiap bab.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bab ini, pengkaji akan merungkai dan menulis segala maklumat yang telah diperoleh dan di analisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian. Bab ini amat penting dalam setiap projek penyelidikan kerana ia akan membantu setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini akan merangkumi tiga objektif utama iaitu yang pertama mengenalpasti kepentingan nilai warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su. Kedua ialah mengenalpasti kaedah interpretasi warisan yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su. Akhir sekali objektif ketiga bagi pengkaji ialah menghuraikan keberkesanan kaedah interpretasi warisan yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su.

#### 4.2 Analisis Latar Belakang Responden Temubual

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua kaedah iaitu, kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan dapatan kajian. Pengkaji telah menjalankan temuramah dengan tiga orang responden dan juga mengedarkan borang soal selidik dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian daripada responden. Hal ini penting bagi menjawab kepada beberapa objektif pengkaji dalam kajian ini.

Bil	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual
1.	Azman bin Ismail <b>(Pengawal keselamatan Rumah Warisan Haji Su)</b>	55 Tahun	8 Disember 2022
2.	Puan Munirah binti Embong <b>(Penolong Kurator Muzium Negeri Terengganu)</b>	39 Tahun	14 Januari 2023
3.	Encik Mohd Sufie bin Mamat <b>(Pembantu Operasi Muzium Negeri Terengganu)</b>	48 Tahun	14 Januari 2023
4.	Encik Mohd Shukri bin Mohd Isa <b>Pengarah Jabatan Warisan Negara (Zon Timur)</b>	-	12 Februari 2023

Jadual 4.1 : Maklumat responden Temubual

#### 4.3 Analisis Latar Belakang Responden Soal Selidik

##### 4.3.1 Latar Belakang Responden mengikut umur

Bil	Umur	Bilangan	Peratus %
1.	Bawah 20 tahun	35	18.8%
2.	21-39 tahun	102	54.8%
3.	40-49 tahun	38	20.4%
4.	50 tahun ke atas	11	5.9%

Jadual 4.2 : Latar Belakang responden mengikut umur

Di dalam kajian ini, seramai 186 orang responden telah terlibat yang terdiri daripada 18.8% (35 orang) responden yang berumur bawah 20 tahun. Bagi responden yang berumur 21 sehingga 39 tahun adalah seramai 54.8% bersamaan 102 orang. Seterusnya, bagi responden yang berumur 40 sehingga 49 tahun adalah seramai 20.4% bersamaan 38 orang. Bagi kategori 50 tahun ke atas merupakan bilangan responden yang paling sedikit iaitu seramai 5.9% sahaja bersamaan 11 orang. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa pelawat ataupun pelancong yang kebiasaannya datang ke Rumah Warisan Haji Su adalah di kalangan responden yang berumur 21-39 tahun.

#### 4.3.2 Latar Belakang Responden mengikut Jantina

Bil	Jantina	Bilangan	Peratus %
1.	Lelaki	73	39.2%
2	Perempuan	113	60.8%

Jadual 4.3 : Latar Belakang Responden mengikut Jantina

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina. Seramai 73 responden adalah daripada kalangan lelaki iaitu 39.2% dan selebihnya adalah dari kalangan pelawat perempuan iaitu 113 orang bersamaan 60.8%. hal ini kerana, kaum perempuan lebih meminati sejarah ataupun aktiviti pelancongan berbanding lelaki.

#### 4.3.3 Latar Belakang Responden mengikut bangsa

Bil	Bangsa	Bilangan	Peratus %
1.	Melayu	181	97.3%
2.	Cina	3	1.6%
3.	India	0	0%
4.	Lain-lain	2	1.1%

Jadual 4.4 : Latar Belakang responden mengikut bangsa

Berdasarkan jadual di atas, seramai 181 orang merupakan pelawat berbangsa Melayu bersamaan 97.3%. Manakala, bagi pelawat berbangsa cina adalah seramai 3 orang dengan nilai peratusan 1.6%. Namun, tiada pelawat bagi bangsa India dan selebihnya adalah daripada bangsa lain-lain seperti iaitu sebanyak 2 orang bersamaan 1.1%. bilangan pelawat daripada bangsa lain berkurangan mungkin disebabkan kawasan kajian yang terletak di kawasan kampung Melayu yang menjalankan aktiviti perniagaan keropok lekor dan menyebabkan bangsa lain kurang menyedari kewujudan kawasan tersebut.

#### 4.3.4 Latar Belakang Responden mengikut umur

Bil	Pekerjaan	Bilangan	Peratus %
1.	Kakitangan Kerajaan	23	12.4%
2.	Kakitangan Swasta/Sendiri	34	18.3%
3.	Pelajar	115	61.8%
4.	Tidak Bekerja	14	7.5%

Jadual 4.5 : Latar Belakang responden responden mengikut pekerjaan

Bagi latar belakang pekerjaan responden, seramai 23 orang responden adalah kakitangan kerajaan bersamaan 12.4%. bagi kakitangan swasta atau bekerja sendiri adalah seramai 34 orang dengan nilai peratusan 18.3%. namun, bilangan responden yang terdiri daripada kalangan pelajar menunjukkan jumlah yang teramai iaitu 115 orang bersamaan 61.8%. selebihnya adalah responden yang tidak bekerja iaitu seramai 14 orang dengan nilai peratusan 7.5%. berdasarkan pemerhatian, antara faktor yang menyebabkan jumlah kedatangan pelawat dari kalangan pelajar teramai adalah disebabkan kawasan tersebut yang sesuai dijadikan kajian buat pelajar universiti berdekatan seperti Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin

#### 4.3.5 Latar Belakang Responden mengikut negeri bermastautin

Bil	Negeri Bermastautin	Bilangan	Peratus %
1.	Kelantan	9	4.8%
2.	Terengganu	32	17.2%
3.	pahang	14	7.5%
4.	Perak	14	7.5%
5.	Pulau Pinang	14	7.5%
6.	Perlis	7	3.8%
7.	Kedah	18	9.7%

8.	Selangor	28	15.1%
9.	Melaka	15	8.1%
10.	Negeri Sembilan	17	9.1%
11.	Johor	9	4.8%
12.	Sabah	5	2.7%
13.	Sarawak	4	2.2%

Jadual 4.6 : Latar Belakang Responden mengikut negeri bermastautin

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan responden adalah terdiri daripada pelbagai negeri antaranya Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan negeri-negeri yang lain yang terdapat dalam Malaysia. Bagi negeri Kelantan, seramai 9 orang responden adalah daripada negeri tersebut bersamaan 4.8%. bagi negeri Terengganu adalah seramai 32 orang (17.2%). seterusnya negeri Pahang, Perak dan Pulau Pinang mencatatkan bilangan pelawat dengan jumlah yang sama iaitu seramai 14 orang bersamaan 7.5%. Negeri yang berikutnya adalah Perlis iaitu seramai 7 orang (3.8%)/ bagi negeri Kedah pula ialah seramai 18 orang responden dengan nilai peratusan 9.7%. Di samping itu, bagi negeri Selangor pula, negeri tersebut mencatatkan bilangan pelawat seramai 28 orang bersamaan 15.1%. diikuti Melaka 15 responden (8.1%) dan Negeri Sembilan 17 responden (9.1%). Negeri yang berikutnya adalah negeri Johor iaitu seramai 9 orang responden bersamaan 4.8%. Seterusnya ialah negeri Sabah iaitu seramai 5 orang responden (2.7%) dan negeri yang terakhir ialah negeri Sarawak dengan bilangan responden seramai 4 orang bersamaan 2.2%.


#### **4.4 Dapatan Kajian 1 : Mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su**

##### **4.4.1 Nilai estetik dan senibina**

Bil	Nilai Estetik dan Senibina	Bilangan	Peratus %
1.	Ada	186	100%
2.	Tiada	0	0%

Jadual 4.7 : Nilai Estetik dan Senibina

Berdasarkan soal selidik, seramai 186 orang responden bersamaan 100% bersetuju bahawa terdapatnya nilai estetik dan senibina di Rumah Warisan Haji Su Ini.



Carta 4.1 : Nilai Estetik dan Senibina


Berdasarkan carta pai di atas, seramai 40 orang responden menyatakan tahap ketinggian nilai estetik dan senibina adalah sangat tinggi. Manakala seramai 144 orang responden pula menyatakan pada tahap tinggi yang bersamaan 77%. Manakala yang terakhir ialah sederhana dengan jumlah responden hanya 2 orang sahaja.

#### 4.4.2 Nilai sejarah

Bil	Nilai Sejarah	Bilangan	Peratus %
1.	Ada	186	100%
2.	Tiada	0	0%

Jadual 4.8 : Nilai Sejarah

Berdasarkan dapatan daripada soal selidik mendapati semua responden iaitu 186 orang bersetuju bahawa rumah ini mempunyai nilai sejarah. Ini kerana rumah ini menjadi bukti kepada perkembangan sejarah tempatan. Contohnya tiang pada salah sebuah bahagian rumah ini pernah terkena bom tentera Jepun semasa perang dunia ke-2



Carta 4.2 : Nilai Sejarah


Bagi nilai sejarah, seramai 48 responden menandakan pada bahagian sangat tinggi. Manakala pada bahagian tinggi adalah seramai 137 orang responden dengan jumlah peratusan tertinggi iaitu 74%. Bagi bahagian sederhana pula adalah hanya seorang responden sahaja dan tiada pada bahagian rendah dan sangat rendah

#### 4.4.3 Nilai budaya

Bil	Nilai Budaya	Bilangan	Peratus %
1.	Ada	186	100%
2.	Tiada	0	0%

Jadual 4.9 : Nilai Budaya

Berdasarkan jadual di atas, seramai 186 orang responden dengan nilai peratusan 100% bersetuju bahawa rumah ini mempunyai nilai budaya. Ini dapat dibuktikan apabila gaya reka bentuk rumah ini sendiri mencerminkan cara hidup dan nilai kebudayaan masyarakat Terengganu



Carta 4.3 : Nilai Budaya

Carta pai di atas ialah merupakan tahap ketinggian nilai budaya hasil soal selidik. Pada bahagian sangat tinggi, seramai 38 orang responden menandakan pada bahagian tersebut. Manakala pada bahagian tinggi adalah seramai 129 orang responden dengan nilai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 69%. bagi bahagian sederhana adalah seramai 18 orang responden dan hanya seorang responden pada bahagian sangat rendah dengan peratusan 1% sahaja.

#### 4.4.4 Nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi bentuk yang luar biasa

Bil	Nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi yang luar biasa	Bilangan	Peratus %
1.	Ada	186	100%
2.	Tiada	0	0%

Jadual 4.10 : Nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan

Berdasarkan jadual di atas, seramai 186 orang responden bersetuju bahawa rumah warisan Haji Su ini mempunyai nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi bentuk yang luar biasa.



Carta 4.4 : Nilai Kepentingan dalam mempamerkan kekayaan


Carta pai di atas menunjukkan nilai kepentingan dalam mempamerkan kekayaan. Berdasarkan carta pai tersebut, seramai 38 orang responden menandakan pada bahagian sangat tinggi dengan nilai peratusan 20%. Manakala pada bahagian

#### 4.5 Dapatan Kajian 2 : Mengenalpasti sistem interpretasi warisan yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su

##### 4.5.1 Sistem Personal

###### 4.5.1.2 Interpreter/Jurucakap/Pengawai Penerang

Sistem interpretasi personal merupakan interaksi secara bersemuka dalam menyampaikan maklumat dari intepreter atau pegawai penerang kepada pelawat. Di Rumah Warisan Haji Su, pegawai penerang mereka merupakan pegawai khas daripada Muzium Negeri Terengganu. Jadual bertugas mereka adalah selama seminggu dan akan bertukar kepada pegawai lain pada minggu yang seterusnya. Mereka akan bertugas daripada pukul 9 pagi sehingga 5 petang. Mereka akan bertugas untuk menjaga dan membantu pelawat melakukan lawatan sekitar Rumah Warisan Haji Su dengan menerangkan sejarah, keunikan senibina dan sebagainya yang berkaitan dengan rumah tersebut.




Rajah 4.1 : Carta Organisasi Rumah Warisan Haji Su

#### 4.5.2 Sistem Non-Personal


Interpretasi non-personal merupakan satu bentuk teknik tafsiran yang menggunakan media sebagai alat utama untuk menyampaikan maklumat. Di rumah warisan haji su, mereka menggunakan galeri pameran/informasi bergambar dan bertulis, papan tanda dan tag maklumat.

##### 4.5.1.1 Galeri Pameran/Informasi Bergambar & Bertulis

Di Rumah Warisan Haji Su, terdapat beberapa galeri pameran yang telah disediakan oleh pihak pengurusan. Antaranya pameran barang-barangan dapur, dan sebagainya. Informasi bergambar juga turut disediakan seperti informasi proses konservasi yang telah dilakukan ke atas Rumah tersebut. Informasi bergambar ini amat penting kerana ia dapat memudahkan proses pemahaman oleh pelawat.



Gambar 4.1 : Pelan Lantai Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga




Gambar 4.2 : Pelan Lantai Rumah Limas Belanda



Gambar 4.3 : Galeri Pameran Proses Konservasi RWHS

(Sumber : Kajian Lapangan 2023)



Gambar 4.4 : Panel Sejarah Rumah Bujang Berpeleh  
(Sumber : Kajian Lapangan 2023)



Gambar 4.5 : Tanggam dan Pasak  
(Sumber : Kajian Lapangan 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5.1.2 Papan Tanda Maklumat (Kawasan luar Rumah Warisan Haji Su)

Papan tanda ialah sejenis papan maklumat yang digunakan untuk memaparkan sesuatu tanda atau notis. Papan tanda kebiasaanya digunakan untuk mengiklankan produk, rumah untuk disewa, nama kedai dan sebagainya. Papan tanda juga boleh digunakan untuk tujuan pendidikan. Papan tanda maklumat adalah dalam bentuk muka taip, simbol atau gabungan kedua-dua bentuk tersebut. Dengan adanya papan tanda maklumat, ia dapat menarik pengunjung untuk berkunjung. Ia juga dapat memudahkan pelawat untuk memahami sesuatu perkara berhubung dengan kawasan tersebut.



Gambar 4.6 : Papan Tanda Rumah Warisan Haji Su

(Sumber : Kajian Lapangan 2023)



Gambar 4.7 : Papan Tanda Waktu Operasi

(Sumber : Kajian Lapangan 2023)



Gambar 4.8 : Papan Tanda Rumah Limas Belanda

(Sumber : Kajian Lapangan 2023)



Gambar 4.9 : Papan Tanda Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga

(Sumber : Kajian Lapangan 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 4.5.1.3 Tag Maklumat

#### i. Senarai Tagging Di Rumah Warisan Haji Su bagi binaan asal

<b>BINAAN ASAL - A</b>			
<b>BIL</b>	<b>JENIS</b>	<b>KOD</b>	<b>LOKASI</b>
1.	Kerawang asal	A1	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Ruang Tengah/Utama</li> </ul> 
2.	Penyelak pintu asal	A2	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ruang Tengah/Utama</li> </ul> 
3.	Lantai Asal	A3	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Serambi Dalam Sebelah Kanan</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah belakang</li> <li>➤ Bahagian dapur</li> <li>➤ Bilik rawatan</li> </ul>

Jadual 4.11: Tag Maklumat Binaan Asal

<b>PEMULIHARAAN - P</b>			
<b>BIL</b>	<b>JENIS</b>	<b>KOD</b>	<b>LOKASI</b>
1.	Baik pulih saluran air	P1	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ruang Tengah/Utama</li> <li>➤ Bahagian Dapur</li> </ul> 
2.	Baik pulih tangga	P2	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bahagian Belakang Dapur</li> </ul> 
3.	Baik pulih tiang	P3	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bawah rumah di Ruang Tengah/Utama</li> </ul> 

Jadual 4.12 : Tag Maklumat pemuliharaan

<b>KESAN SEJARAH - S</b>			
<b>BIL</b>	<b>JENIS</b>	<b>KOD</b>	<b>LOKASI</b>
1.	Lubang Kesan Peluru	S1	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tiang di Ruang Tengah/Utama</li> <li>➤ Dinding di Ruang Tengah/Utama</li> <li>➤ Dinding di Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Bendul di serambi dalam sebelah kanan</li> </ul>  
2.	Penemuan Cerbisan Peluru	S2	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Di bawah rumah (di ruang tengah/utama)</li> <li>➤ Di dalam telaga di pelantar basah</li> </ul> 

Jadual 4.13 : Tag Maklumat Kesan Sejarah

<b>BINAAN BARU - B</b>			
<b>BIL</b>	<b>JENIS</b>	<b>KOD</b>	<b>LOKASI</b>
1.	Frame lama papan cembong baru	B1	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pintu Masuk dari Beranda belakang Rumah Limas Belanda</li> </ul> 
2.	Kerawang Baru	B2	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Ruang Tengah/Utama</li> </ul> 
3.	Anak Tangga Baru	B3 & b4	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Serambi dalam sebelah kanan</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah belakang</li> <li>➤ Pelantar basah</li> </ul>
4.	Pemegang pintu baru (Pendua)	B5	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ruang tengah/utama</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah kanan</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah belakang</li> <li>➤ Bilik rawatan</li> </ul>

			
5.	Lantai Baru	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Serambi dalam sebelah kanan</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah kiri</li> <li>➤ Serambi dalam sebelah belakang</li> <li>➤ Bahagian dapur</li> </ul>
6.	Tupai Gantung	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ruang Tengah/Utama</li> </ul>
7.	Sisipan Angin	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bahagian Dapur</li> <li>➤ Sorong Hadapan</li> </ul>
8.	Penambahan rasuk lantai	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bawah Rumah</li> </ul>


Jadual 4.14 : Tag Maklumat Binaan Baru

## 4.6 Dapatan 3 : Mengukur Keberkesanan Sistem Interpretasi Warisan (Sistem Penyampaian Maklumat) Yang Digunakan Oleh Rumah Warisan Haji Su

### 4.6.1 Tahap Keberkesanan Intepreter/Jurupandu/Pegawai Penerang

Intepreter/Jurupandu	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Tidak Berkesan	0	0
Tidak Berkesan	0	0
Sederhana	6	3
Berkesan	98	53
Sangat Berkesan	82	44

Jadual 4.15 :Keberkesanan Intepreter/Jurupandu./ Pegawai Penerang




Carta 4.5 : Tahap Keberkesanan Pegawai Penerang

Jadual di atas menunjukkan tahap keberkesanan sistem personal iaitu interpreter atau pegawai penerang. Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan bahawa seramai 82 orang responden mendakwa pada bahagian sangat berkesan dengan nilai peratusan sebanyak 44%. manakala pada bahagian berkesan adalah seramai 98 orang responden dan selebihnya adalah pada bahagian sederhana dengan nilai peratusan terendah iaitu 3% iaitu 3 responden.

#### 4.6.2 Tahap Keberkesanan Galeri Pameran/Informasi Bergambar

Galeri Pameran/Informasi Bergambar	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Tidak Berkesan	0	0
Tidak Berkesan	0	0
Sederhana	34	18
Berkesan	128	69
Sangat Berkesan	24	13

Jadual 4.16 : Tahap Keberkesanan Galeri Pameran/Informasi Bergambar




Carta 4.6 : Tahap Keberkesanan Galeri Pameran/Informasi Bergambar

Jadual di atas menunjukkan tahap keberkesanan galeri pameran atau informasi bergambar di Rumah Warisan Haji Su kepada pelawat. Berdasarkan jadual di atas, seramai 24 orang responden bersetuju bahawa galeri pameran adalah sangat berkesan. Manakala pada bahagian berkesan adalah seramai 128 orang responden dengan nilai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 69%. seterusnya pada bahagian sederhana adalah seramai 34 orang responden sahaja dengan nilai peratusan sebanyak 18%.

#### 4.6.3 Tahap Keberkesanan Papan Tanda Maklumat

Papan Tanda Maklumat	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Tidak Berkesan	0	0
Tidak Berkesan	1	0.5
Sederhana	122	66
Berkesan	48	26
Sangat Berkesan	15	8

Jadual 4.17 : Tahap Keberkesanan Papan Tanda Maklumat




Carta 4.7 : Tahap Keberkesanan Papan Tanda Maklumat

Jadual di atas menunjukkan tahap keberkesanan pelawat pada bahagian papan tanda maklumat di Rumah Warisan Haji Su. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 15 orang responden menandakan pada bahagian sangat berkesan. Manakala pada bahagian sangat berkesan adalah seramai 48 orang. Pada bahagian sederhana pula mencatatkan jumlah responden tertinggi seramai 122 orang responden dan nilai peratusan sebanyak 66%. akhir sekali pada bahagian tidak berkesan adalah 1 orang sahaja.

#### 4.6.4 Tahap Keberkesanan Tag Maklumat

Tag Maklumat	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Tidak Berkesan	0	0
Tidak Berkesan	0	0
Sederhana	102	55
Berkesan	72	38
Sangat Berkesan	14	7

Jadual 4.8 : Tahap Keberkesanan Tag Maklumat



Carta 4.9 : Tahap Keberkesanan Tag Maklumat

Jadual di atas menunjukkan tahap keberkesanan tag maklumat di Rumah Warisan Haji Su. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 14 orang responden merasakan tag maklumat yang digunakan sangat berkesan. Manakala seramai 72 orang yang lain menandakan pada bahagian berkesan dengan peratusan 38%. namun pada bahagian sederhana mencatatkan jumlah responden yang tertinggi iaitu sebanyak 102 orang dengan nilai peratusan sebanyak 55%.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab lima merupakan bab yang terakhir dalam penyelidikan atau kajian pengkaji, dalam bab ini pengkaji memberikan cadangan dan menerangkan dengan lebih mendalam mengenai cadangan dan rumusan terhadap kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Dalam bab ini juga pengkaji telah memberikan beberapa cadangan yang logik dan dapat diterima oleh semua pihak berkaitan dengan kajian pengkaji iaitu Keberkesanan Sistem Interpretasi Warisan kepada pelawat di Rumah Warisan Haji Su. Cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji ini juga akan menjawab kepada permasalahan kajian yang dikaji oleh pengkaji.

#### 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian


Bahagian ini menghuraikan serta merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji. Perbincangan dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisisan data ketiga-tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

### **5.2.1 Analisis Dapatan Kajian 1 : Mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su**

Berdasarkan hasil soal selidik, temubual dan pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji ke atas rumah warisan haji su. Dapat disimpulkan bahawa seni bina Rumah Warisan Haji Su merupakan seni bina rumah Melayu tradisional Terengganu. Ini kerana, rumah Warisan Haji Su ini telah dibina oleh generasi terdahulu, di mana kesenian pertukangannya sangat kemas dan teliti. Pada masa kini, amat sukar untuk mencari tukang yang mahir melakukan kesenian pertukangan rumah tradisional Melayu Terengganu. Hal ini kerana, pada zaman dahulu bahan yang digunakan adalah berbeza dengan zaman sekarang. Kemahiran yang ada pada generasi dahulu juga boleh dilihat dalam perkapanan. Selain itu, penggunaan bahan berkualiti tinggi seperti kayu cengal dalam pembinaan Rumah Warisan Haji Su menyumbang kepada penampilan rumah yang gah.

Dalam kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, nilai kepentingan warisan amatlah sukar untuk diperoleh dan ia tidak mungkin boleh ditukar dengan sesuatu yang lain. Pemuliharaan ini juga penting untuk generasi muda kerana ia membantu mereka untuk lebih memahami asal usul tamadun Melayu dan seni bina tradisional Melayu. Adalah penting untuk memastikan perkara-perkara ini kekal terpelihara kerana ia semakin sukar untuk dilihat pada masa kini. Selain itu, Selain itu, ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su ini juga jarang ada pada rumah tradisional yang lain.

### 5.2.2 Analisis Dapatan Kajian 2 : Mengenalpasti sistem interpretasi yang dilakukan di Rumah Warisan Haji Su



Rajah 51: Sistem Interpretasi Rumah Warisan Haji Su

Berdasarkan hasil pemerhatian dan temubual, pengkaji telah mengenalpasti 2 sistem interpretasi warisan yang telah digunakan di Rumah Warisan Haji Su. Iaitu sistem interpretasi personal dan interpretasi non-personal. Sistem interpretasi personal merupakan interaksi secara bersemuka dalam menyampaikan maklumat dari intepreter atau pegawai penerang kepada pelawat. Interpretasi non-personal merupakan satu bentuk teknik tafsiran yang menggunakan media sebagai alat utama untuk menyampaikan maklumat. Interpretasi non-personal sangat penting kerana ia dapat membantu menyampaikan maklumat yang kadangkala pegawai penerang terlupa atau terlepas sesuatu maklumat yang penting.

### **5.2.3 Analisis Dapatan Kajian 3 : Menghuraikan keberkesanan sistem interpretasi warisan yang digunakan oleh Rumah Warisan Haji Su kepada pelawat**

Berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada 186 orang responden mengenai keberkesanan interpretasi warisan di Rumah Warisan Haji Su adalah di peringkat yang sederhana. Namun tahap keberkesanan pegawai penerang atau intepreter adalah di peringkat berkesan. Ini kerana, seramai 98 orang responden menandakan pada bahagian berkesan. Ini menunjukkan responden atau pelawat berpuas hati dengan khidmat yang telah di sediakan di Rumah Warisan Haji Su. Kaedah jurupandu ini amat penting bagi memberikan kefahaman kepada pelawat. Mereka juga dapat menanyakan soalan secara terus dan dapat melakukan interaksi.

Di samping itu, bagi tahap keberkesanan galeri pameran adalah di peringkat berkesan. Ini menunjukkan pelawat juga berpuas hati dengan galeri pameran yang telah di sediakan oleh mereka. Ini kerana, jika dapat di lihat pada dalam bahagian rumah tersebut, terdapat banyak pameran-pameran yang telah disediakan. Antaranya galeri proses konservasi Rumah Warisan Haji Su, pameran tempat persandingan masyarakat terdahulu, pameran peralatan dapur dan dapur memasak pada zaman dahulu, permainan masyarakat terdahulu seperti congkak, pameran menganyam dan barang-barang tradisional dan sebagainya. Dengan adanya pameran tersebut, ia dapat memudahkan pelawat untuk memahami sejarah rumah tersebut dan pelawat juga dapat merasai sendiri cara hidup masyarakat terdahulu.

Seterusnya, tahap keberkesanan papan tanda maklumat. Bagi kaedah ini menunjukkan bahwa tahap keberkesanannya berada dalam skala sederhana. Iaitu sebanyak 122 responden menandakan pada bahagian tersebut. Ini menunjukkan bahawa responden ataupun pelawat kurang tertarik dengan papan tanda di Rumah Warisan Haji Su. Pengkaji juga bersepakat dengan responden ini kerana, berdasarkan pemerhatian, papan tanda di Rumah tersebut kurang menarik. Waktu operasi juga tidak dipamerkan dengan baik. Mereka juga tidak bahwa rumah tersebut boleh dilawati dan menyebabkan ramai di kalangan penduduk Terengganu sendiri yang tidak mengetahui bahawa rumah tersebut boleh dilawati oleh semua dan tidak mengenakan sebarang bayaran.

Akhir sekali ialah tag maklumat. Bagi tag maklumat juga kurang memuaskan.

Ini kerana seramai 102 orang responden menandakan pada bahagian sederhana. Ini kerana, berdasarkan pemerhatian, tag maklumat yang dihasilkan dan diletakkan di rumah tersebut terlalu kecil dan menyukarkan pelawat untuk mengenalpasti kedudukan tag maklumat tersebut. Tag maklumat tersebut juga hanya mempunyai tajuk tanpa keterangan. Maka ia kurang memberi keberkesanan kepada pelawat dan memahami sejarah rumah tersebut.

### **5.3 Cadangan Kajian**

Bahagian ini merupakan cadangan daripada pengkaji berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Selepas dianalisa yang dibuat berdasarkan borang kaji selidik dan juga temuramah yang dijalankan, pengkaji membuat cadangan ini dengan tujuan untuk membaiki dan juga menambahbaik mengenai sistem Interpretasi di Rumah Warisan Haji Su.

#### **5.3.1 Penambahbaikan sistem interpretasi yang sedia ada sama ada personal atau non-personal**

Antara penambahbaikan sistem intepretasi personal yang boleh dibuat ialah dengan menambah bilangan pegawai penerang daripada muzium Terengganu untuk bertugas di Rumah Warisan Haji Su pada hari minggu atau cuti sekolah. Ini kerana, pada hari minggu dan cuti sekolah, bilangan pelawat bertambah 2 kali ganda pada hari kebiasaanya. Oleh itu, para pelawat memerlukan khidmat jurupandu yang lebih ramai bagi memastikan proses penyampaian maklumat tersebut sampai kepada mereka dengan sebaiknya.

Bagi sistem intepretasi non-perosnalpula, pihak pengurusan Rumah Warisan Haji Su boleh membuat penambahbaikan pada papan tanda di hadapan rumah Haji Su itu sendiri. Ini kerana, papan tanda yang sedia ada itu tidak menarik dan tidak menunjukkan waktu operasi dan info bahawa rumah tersebut boleh dilawati dan dikunjungi. Papan tanda waktu operasi juga terlalu kecil dan menyukarkan pelawat untuk melihat.

#### **5.3.2 Mewujudkan media interpretasi yang interaktif**

Cadangan pengkaji kepada pihak pengurusan rumah haji su yang seterusnya ialah dengan mewujudkan sistem interpretasi non-personal yang lebih interaktif. Ini kerana, pelawat daripada rumah tersebut adalah daripada semua peringkat umur termasuklah kanak-kanak dan pelajar. Oleh itu, dengan adanya media interaktif yang menarik, ia dapat menarik minat golongan muda untuk memahami sejarah dan nilai/makna warisan yang terdapat pada rumah tersebut. Antara media interaktif yang boleh disediakan ialah tayangan video, audio dan sebagainya.

### **5.3.3 Sentiasa memastikan pegawai penerang yang bertugas setiap minggu menjalankan tugas dengan baik**

Akhir sekali, memastikan pegawai penerang yang bertugas setiap minggu menjalankan tugas dengan baik. Ini kerana, hasil pemerhatian pengkaji, kebanyakannya pegawai penerang yang bertugas tiada di rumah tersebut. Oleh itu, pegawai keselamatan rumah tersebut iaitu Encik Azman, terpaksa menjalankan tanggungjawab menjadi pemandu arah dan pegawai penerang kepada pelawat walhal itu bukan bidang ataupun skop pekerjaan Encik Azman.

#### 5.4 Penutup

Kesimpulannya, rumah warisan Haji Su ini merupakan tinggalan bangunan warisan yang sangat penting dan perlu dijaga dan dipulihara dengan baik. Sistem interpretasi warisan juga perlu dikemaskini dari semasa ke semasa supaya dapat menarik lebih ramai pelawat ke rumah tersebut. Rumah warisan Haji Su ini bukan sahaja kaya dengan nilai seni bina, estetik dan sebagainya malah merupakan bukti kepada sejarah masyarakat tempatan. Ini kerana, rumah tersebut pernah terkena serpihan bom Jepun pada perang dunia ke-2. oleh itu, dengan adanya sistem interpretasi yang baik, ia dapat menarik pelawat untuk melihat sendiri nilai-nilai warisan yang terdapat pada rumah tersebut. Akhir sekali, pengkaji berharap kajian ini dapat mendatangkan banyak manfaat dan dijadikan sebagai ilmu pengetahuan baharu kepada masyarakat sekarang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

Atirah Zahrah (2021), *Keberkesanan Sistem Penyampaian Maklumat Kepada Pengunjung di Muzium Sungai Lembing*, Universiti Malaysia Kelantan

Elaine Lawson (2005), *Interpreting Heritage Places and Items Guidelines*, NSW Heritage Office

Hafizur Rahaman (2018), *Digital Heritage Interpretation : A conceptual Framework*, Curtin University

Hazirah Mustaffa (2021), *Kajian Nilai Sejarah terhadap Seni Bina Rumah Warisan Pahlawan Resort, Kuala Berang, Terengganu*, Universiti Malaysia Kelantan

Herman Baeyens (2005), *Heritage Interpretation Centres*, Barcelona Provincial Council Publishing Institute

John H. Jameson, *Cultural Heritage Interpretation*, International Committee on Interpretation and Presentation of Cultural Heritage Sites

Mashitah Sulaiman, *Cabarani Kesinambungan Warisan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia : Solusi ke Arah Memartabatkan Seni Budaya Warisan Ketamadunan Melayu*, Universiti Sains Islam Malaysia

Mohd Nor, Shaifudin (2014) *UPM abadikan warisan seni bina Melayu Terengganu*, Utusan Malaysia

Mohd Samsudin, Sulong Mohamad (2013), *Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi*, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurfarhana Ismail (2016), *Interpretasi Warisan Istana Kellie Bagi Menggalak Industri Pelancongan di Batu Gajah, Perak*, Universiti Sarawak

Rodzi Baharom (1990), *Rumah Haji Su, No 124, Losong Hj Su, 21400 Kuala Terengganu*, Universiti Teknologi Malaysia

Shamila Md Yahaya (2014), *Keunikan Rumah Bujang Berserambi Berselasar di Negeri Terengganu*, Universiti Malaysia Kelantan

Siti Norlizaiha Harun, (2019), *Pembangunan Pelancongan Warisan Melalui Pemuliharaan & Persembahan Interpretasi*, Universiti Teknologi Mara (UITM)

Siti Nuraian Marzuki (2021), *Tarikan Pelancongan Berasaskan Warisan di Kuala Lumpur*, Universiti Kebangsaan Malaysia

Noraini (2016) Persepsi Pelancong Asing Terhadap Khidmat Interpretasi Warisan Dalam Lawatan Berpandu Di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia

Nor Akashah (2005) *Tahap Keberkesanan Media Interpretasi Personal Dan Grafik Di Taman Negara Tanjung Piai*, Universiti Teknologi Malaysia

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**LAMPIRAN**

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

RUJ. KAMI (Our Ref): UMK.A02.600-4/7/4 JILID 4(29)  
TARIKH (Date) : 21 SEPTEMBER 2022

Rumah Warisan Haji Su  
21000 Kuala Terengganu  
Terengganu

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Nuraisyah Nadhirah Binti Mohd Rosdi	C19A0599	991115115650	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian


3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

**BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN****1 UMUR**

- Bawah 20 tahun  
21-39 tahun

- 40-49 tahun  
50 tahun ke atas

**2 JANTINA**

- Lelaki

- Perempuan

**3 BANGSA**

- Melayu  
Cina

- India  
Lain-lain

**4 PEKERJAAN**

- Kakitangan Kerajaan  
Pelajar

- Kakitangan Swasta/Sendiri  
Tidak Bekerja

**5 NEGERI BERMAUSTAUTIN**

- Kelantan  
Terengganu  
Pahang  
Perak  
Pulau Pinang  
Perlis  
Kedah

- Selangor  
Melaka  
Negeri Sembilan  
Johor  
Sabah  
Sarawak

**BAHAGIAN B : MENGENALPASTI NILAI KEPENTINGAN WARISAN YANG TERDAPAT PADA RUMAH WARISAN HAJI SU**

1	2	3	4	5
Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi

**Arahan Soalan :**

Sila tandakan (✓) pada bahagian A. Jika pada bahagian A (Nilai Warisan) anda tandakan ADA, sila tandakan (✓) pada bahagian B (Tahap Ketinggian Nilai Warisan) pada kotak yang bersesuaian.

No	Perkara	Bahagian A Nilai Warisan		Bahagian B Tahap Ketinggian Nilai Warisan				
		Ada	Tiada	1	2	3	4	5
1.	<b>Nilai Estetik dan Senibina -</b>  Rumah ini kaya dengan keindahan dari aspek ragam hias dan susun atur ruang							
2.	<b>Nilai Sejarah -</b>  Rumah ini menjadi bukti kepada perkembangan sejarah tempatan. Contohnya, tiang pada salah sebuah bahagian rumah ini pernah terkena bom tentera Jepun semasa Perang Dunia ke-2							
3.	<b>Nilai Budaya</b>  Gaya reka bentuk rumah ini mencerminkan cara hidup dan nilai kebudayaan masyarakat Terengganu							
4.	<b>Kepentingan dalam memperkenalkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi bentuk yang luar biasa</b>  Rumah ini memperkenalkan gaya seni bina Terengganu yang unggul yang mampu mewakili Terengganu dan contoh bagi pemuliharaan rumah Terengganu							

**BAHAGIAN C : MENGIKUR KEBERKESANAN SISTEM INTERPRETASI (SISTEM PENYAMPAIAN MAKLUMAT) YANG DIGUNAKAN OLEH RUMAH WARISAN HAJI SU**

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Berkesan	Tidak Berkesan	Sederhana	Berkesan	Sangat Berkesan

**Arahan Soalan :**

Berdasarkan sistem penyampaian maklumat yang digunakan di bawah, tandakan tahap keberkesaan sistem penyampaian maklumat ini dalam membantu memahami kepentingan warisan yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su?

No	Sistem Yang Digunakan	Perkara	1	2	3	4	5
1.	Sistem Personal	<b>Interpreter /Jurucakap / pegawai penerang -</b> En Mohd Sufie bin Mamat (Pembantu Operasi Muzium Terengganu)  <b>En Azman bin Ismail</b> (Pengawal Keselamatan Rumah Warisan Haji Su)					
2.	Sistem Inpersonal	<b>Galeri Pameran / Informasi Bergambar -</b> Ruangan dalam Rumah Limas Belanda dan Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga					
		<b>Papan tanda maklumat -</b> Kawasan luar Rumah Warisan Haji Su  <b>Tag maklumat -</b> Tanda pada bahagian kesan peluru / kesan serpihan bom Jepun pada tiang					

**Nyatakan cadangan anda mengenai penambahbaikan sistem interpretasi (sistem penyampaian maklumat) di Rumah Warisan Haji Su**

---



---



---

Terima Kasih atas kesudian dan kerjasama anda untuk mengisi borang soal selidik ini. Segala maklum balas dan cadangan yang anda berikan amat saya hargai.

**Sekian, terima kasih**



Temubual bersama Encik Sufie bin Mamat (Pembantu Operasi Muzium Negeri Terengganu)



Temubual bersama Encik Azman bin Ismail (Pengawal Keselamatan Rumah Warisan Haji Su)



Temubual bersama Encik Mohd Shukri bin Mohd Isa (Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Timur)